



## SIARAN MEDIA

### UM LATIH GURU DARI 20 SEKOLAH UNTUK PDPR BERKESAN

---

Tatkala COVID-19 masih menjadi ancaman besar negara, Universiti Malaya (UM) melalui Pusat Komuniti dan Kelestarian (UMCares), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Fedelis Sdn Bhd (Microsoft in Education Global Training Partner) dan Pejabat Pendidikan Daerah Bangsar dan Petaling Utama berganding bahu melatih lebih 220 guru dari 11 sekolah rendah dan 9 sekolah menengah di Bangsar dan Petaling Utama mengenai integrasi teknologi Microsoft 365 Education.

Ketua Projek Program Microsoft Innovative Teachers : Train the Trainers yang juga Pensyarah Kanan, Fakulti Pendidikan UM, Dr. Donnie Adams berkata penganjuran program ini adalah bagi membantu para guru dalam berdepan dengan pelbagai halangan dan kesukaran dalam melaksanakan sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) terutamanya dalam mempertingkatkan skill dan menyesuaikan diri kepada teknologi.

“Projek ini berhasrat untuk melatih para guru mengenai integrasi teknologi Microsoft 365 Education di dalam proses PdPR. Tujuannya adalah untuk mendedahkan para guru kepada teknologi dan sumber daya Microsoft 365 Education yang menyokong pengintegrasian e-learning dalam pembelajaran sejajar dengan Kemahiran Abad ke-21, dan Kerangka ICT UNESCO untuk para guru.

“Latihan terbahagi kepada dua fasa. Dalam fasa satu, latihan dalam talian diadakan untuk melatih 9 orang guru sekolah menengah dan 11 orang guru sekolah rendah. Ketua projek bersama 4 orang *Master Trainer* dari *Fedelis* akan menjadi tenaga pengajar, menggunakan modul Microsoft 365 Education. 20 Guru yang berjaya melengkapkan fasa satu akan diperakui dan diberi sijil dan Lencana *Microsoft Innovative Teacher Trainer*.

“Fasa kedua pula melibatkan latihan dalam talian yang diberi oleh 10 orang guru yang telah diperakui sebagai *Microsoft Innovative Educator Teacher Trainer* dalam fasa satu kepada 214 orang guru terpilih di 9 buah sekolah menengah dan 11 buah sekolah rendah menggunakan modul Microsoft 365 Education yang dibangunkan khas oleh guru *Master Trainer* tersendiri. Guru yang berjaya melengkapkan fasa kedua akan diperakui dan diberi sijil dan Lencana *Microsoft Innovative Teachers*.

“Guru dilatih dalam modul Microsoft 365 Education. Antara topik-topik dalam modul ini adalah seperti Pembentukan Bilik Darjah Maya, penggunaan aplikasi Microsoft Teams untuk PdPR, aplikasi

Microsoft OneNote Class Notebook, amalan terbaik untuk tugas dan kuiz, dan kaedah pengajaran secara kreatif menggunakan aplikasi- aplikasi yang lain.

“Hasil pendedahan yang diterima dalam program ini akan memberi impak kelestarian kepada 214 guru-guru sekolah menengah dan sekolah rendah di Petaling Jaya di mana segala ilmu dan kemahiran yang didedahkan kepada mereka mengenai penggunaan *Microsoft 365 Education* yang menyokong pengintegrasian *e-learning* dalam PdPR masih boleh dipraktikkan tanpa sebarang kos tambahan pada masa hadapan.

“Selain itu, sekolah-sekolah dalam projek ini akan mempunyai 10 *Microsoft Innovative Teacher Trainer* yang khusus untuk membantu dari segi aspek teknikal dan pengintegrasian *e-learning* dalam PdPR,” katanya.

Antara sekolah-sekolah yang terlibat adalah SK TTDI 1, SK TTDI 2, SK Taman Segar, SJK (C) Chung Kwo, SJK (C) Choong Wen, SJK (T) Jalan Bangsar, SJK (T) Sungai Besi, SK Taman Sea, SK Kampung Tunku, SJK (C) Sungai Way, SJK (T) Vivekananda ,SMK Aminuddin Bakri, SMK Seri Pantai, SMK (P) Pudu, SMK Cochrane, SMK TTDI, SMK Seri Mutiara, SMK Bandar Baru Seri Petaling, SMK (L) Bukit Bintang dan SMK Damansara Jaya.

Antara ahli projek lain antaranya adalah Prof Madya Dr. Zuraidah Binti Abdullah, pensyarah di Fakulti Pendidikan UM.

- Tamat -

Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi :

Puan Mastura Mohamad Yusoff

Pegawai Perhubungan Media

013-3773207

[masturayusoff@um.edu.my](mailto:masturayusoff@um.edu.my)

---

Dikeluarkan oleh:  
Pejabat Komunikasi Korporat (CCO)  
Aras L, Bangunan Canseleri  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Tel: 03-7967 3238 Fax: 03-79560027 Emel: [corporate@um.edu.my](mailto:corporate@um.edu.my)